



MEMO
PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA

Rujukan: JTM/HQ/800-17 Jld. 12 (17)

Tarikh: 28 Ogos 2025

PERKARA	PENEGASAN DASAR TIADA TOLERANSI TERHADAP GEJALA BULI DI ADTEC JTM	
KEPADA	SEMUA PENGARAH ADTEC JTM	SALINAN: 1. TKP 2. Fail
DARIPADA	KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA	

YBrs. Ts./Dr./Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, gejala buli merupakan perbuatan yang perlu ditangani secara serius. Buli bererti orang yang menggunakan kekuatan atau kekuasaannya untuk menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah. Perbuatan membuli boleh berlaku sama ada secara fizikal atau pun menggunakan bahasa yang boleh memberi kesan menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah. Dalam hal ini, seseorang pelajar yang dibuli akan mengalami kesan emosi yang mendalam seperti kemurungan, ketakutan, hilang keyakinan diri serta boleh mengakibatkan kecederaan fizikal yang lebih teruk, malah boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

3. Jabatan dengan ini menegaskan bahawa **TIADA TOLERANSI** terhadap sebarang bentuk buli, keganasan fizikal, mental, emosi dan siber di semua kampus ADTEC JTM. Semua kampus diingatkan supaya mengambil tindakan yang tegas serta tidak boleh berkompromi terhadap gejala buli dalam kalangan pelajar. Larangan terhadap gejala buli di kampus hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya kerana perbuatan tersebut boleh memberi impak yang negatif terhadap pengurusan kampus sekiranya tidak ditangani lebih awal secara berkesan.

4. Sebagai langkah pencegahan terhadap gejala buli, semua pengurusan kampus diarahkan untuk mengambil langkah-langkah yang proaktif serta berkesan agar kejadian seumpamanya tidak berlaku. Antara langkah yang perlu dilaksanakan segera oleh pihak pengurusan kampus adalah seperti berikut:

4.1 Dasar berkaitan gejala buli

- 4.1.1 Melaksanakan dasar **Tiada Toleransi Terhadap Buli** secara rasmi dan dihebahkan kepada semua warga institut melalui semua saluran hebahan maya dan fizikal; dan
- 4.1.2 Menetapkan **saluran aduan** yang jelas, mudah diakses, sulit dan mesra pelajar.

4.2 Intervensi Pencegahan

- 4.2.1 Mengadakan **kempen kesedaran anti-buli** sekurang-kurangnya sekali pada setiap semester melalui taklimat, forum, atau aktiviti pelajar dengan penglibatan pegawai psikologi kampus, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi lain yang berkaitan;
- 4.2.2 Menyediakan program orientasi pelajar baharu dengan modul khas **pembentukan sahsiah, integriti dan kepimpinan**; dan
- 4.2.3 Mengadakan pemantauan berjadual oleh warden & penyelia asrama, Penolong Pegawai Belia dan Sukan dan pegawai bahagian pengurusan pelajar. Kewujudan warden di asrama hendaklah dirasakan oleh penghuninya sepanjang masa.

4.3 Penguatkuasaan & Tindakan

- 4.3.1 Melaksanakan **tindakan tatatertib tegas** terhadap pelajar yang terbabit dengan gejala buli dengan hukuman **DISINGKIRKAN** dari institut jika didapati bersalah mengikut peraturan sedia ada (rujuk **Buku Peraturan Tatatertib Pelajar ILJTM 2024 Bahagian III (A) Klausula 14 – Mendera / Ragging**); dan
- 4.3.2 Semua kes buli wajib **dilaporkan segera kepada pihak pengurusan tertinggi institut dan Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Manusia**.

4.4 Sokongan & Pemulihan

- 4.4.1 Menyediakan **khidmat kaunseling** kepada mangsa buli serta program pemulihan untuk pelaku yang masih boleh dibimbing; dan
- 4.4.2 Mengadakan **kerjasama dengan PDRM, Kementerian Kesihatan dan agensi berkaitan** bagi menangani kes berat.

5. Pengarah kampus bertanggungjawab penuh memastikan arahan ini dipatuhi sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah sewajarnya akan dilihat sebagai kecuaiian serius pihak pengurusan.

6. Semua tindakan intervensi, laporan kes (jika ada) dan program pencegahan hendaklah direkodkan serta dilaporkan kepada Jabatan setiap suku tahun untuk pemantauan berpusat.

7. Jabatan menegaskan sekali lagi bahawa isu buli adalah **ancaman keselamatan, kesejahteraan pelajar dan reputasi serta imej JTM**. Semua warga pengurusan institut perlu memandang serius perkara ini demi melahirkan pelatih yang berdisiplin, berintegriti dan berakhlak mulia.

“JTM Bebas Buli: Keselamatan & Kesejahteraan Pelajar Keutamaan Kita”

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA)